



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

**PEMBUKAAN
JALAN *CENTRAL SPINE*,
PAKEJ 5 RAUB KE BENTONG, PAHANG
SEKSYEN 5C2: KAMPUNG ASAP KE KAMPUNG SERTIK
DAN SEKSYEN 5D: BENTONG *BYPASS*
PADA 7 OKTOBER 2021, KHAMIS**

Terima kasih saudara pengacara majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail,
Menteri Besar Pahang

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif Kehormat

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-wakil media massa

Yang Berbahagia Dato'- Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan
puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, kita dapat bersama-sama menghadiri program Penyerahan Projek dan Pembukaan Jalan Central Spine, Pakej 5 Raub ke Bentong, Pahang, melibatkan Seksyen 5C2: Kampung Asap ke Kampung Sertik dan Seksyen 5D: *Bentong Bypass*.

2. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail, Menteri Besar Pahang, kerana telah sudi untuk bersama-sama menyempurnakan majlis pada hari ini. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program yang mematuhi SOP dan norma baharu ini.

Hadirin yang dihormati,

3. Pelaksanaan projek-projek jalan raya di seluruh negara, telah mewujudkan jaringan infrastruktur yang bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, malah memberi impak besar kepada peningkatan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

4. Kementerian Kerja Raya telah membangunkan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030 atau *Highway Network Development Plan 2030* (HNDP 2030) bagi memastikan wujud jaringan perhubungan jalan raya yang baik untuk kemudahan rakyat. Dokumen ini menggariskan keutamaan pelaksanaan kepada projek berdaya maju, mampu menjana dan memperkukuh pertumbuhan ekonomi, serta akan menjadi rujukan utama Kementerian Kerja Raya dan agensi berkaitan, bagi projek jalan baharu dan naik taraf untuk tahun 2021 sehingga tahun 2030 (RMKe-12 dan RMKe-13).

5. Bagi Semenanjung, beberapa projek telah dikenal pasti seperti pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) melibatkan negeri Selangor dan Perak, Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) melibatkan negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, juga Jalan Central Spine melibatkan negeri Kelantan, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo sedang rancak dilaksanakan.

Hadirin yang dihormati,

6. Di dalam *Rolling Plan* pertama (RP1), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM 745 juta untuk membiayai projek infrastruktur jalan dan jambatan di negeri Pahang. Salah satu projek infrastruktur berimpak tinggi yang sedang dilaksanakan ialah projek Jalan Central Spine yang menghubungkan Kuala Krai, Kelantan, sehingga persimpangan Lebuh Raya Pantai

Timur (LPT), Pahang, sepanjang 306.8 kilometer dengan kos keseluruhan sebanyak RM7.3 bilion.

7. Untuk makluman, Jalan Persekutuan FT08 sedia ada dari Bentong, Pahang ke Kota Bharu, Kelantan, merupakan jalan utama dengan kepadatan trafik yang tinggi terutamanya pada musim perayaan khususnya di bandar Raub dan Bentong, Pahang. Berdasarkan keadaan trafik semasa, Kerajaan telah memberi keutamaan dan meluluskan RM631.98 juta untuk membina *Bentong Bypass* di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Antara skop kerja yang dilaksanakan bagi projek ini ialah membina jalan baharu empat lorong dua hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 sepanjang 28.5 kilometer, membina *overpass* di Kampung Lebu, 9 buah jambatan, 6 *Vehicular Box Culvert*(VBC), 1 bulatan di Mempaga serta 2 persimpangan bertingkat di Lebuhraya Karak dan Kampung Benus.

8. Projek ini telah dibahagikan kepada tiga (3) seksyen pembinaan iaitu Seksyen 5C1, 5C2 dan 5D yang telah dilaksanakan secara berperingkat mulai November 2015 dan siap sepenuhnya pada 30 April 2021.

Hadirin yang dihormati,

9. Saya pasti, penduduk di kawasan Bentong sememangnya ternanti-nantikan projek infrastruktur ini dibuka untuk kemudahan pengguna jalan raya. Berdasarkan kajian, pembinaan projek ini dapat memendekkan jarak perjalanan dan menjimatkan masa perjalanan antara 50 minit ke 1 jam, selain mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

10. Dengan siapnya jajaran *Bentong Bypass* sebagai laluan alternatif ini, ia akan mengurangkan kesesakan trafik di Jalan Persekutuan FT08 sedia ada di bandar Bentong terutamanya pada waktu puncak, musim perayaan utama dan cuti sekolah. Projek ini juga akan meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti

pengguna ke Pantai Timur dan mampu menjana ekonomi di kawasan Pahang Barat khususnya kepada sektor pelancongan dan industri kecil dan sederhana.

11. Bagi memastikan pembangunan infrastruktur yang berkualiti, KKR sentiasa komited di dalam pembangunan infrastruktur rangkaian jalan raya yang terancang, sistematik dan efisien. Kesenambungan projek jalan raya yang berpaksikan rakyat akan terus diberi perhatian demi keselesaan dan keselamatan pengguna.

12. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua agensi dan pihak yang terlibat dalam menjayakan program kita pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.

Terima kasih.